



BULETIN

Bil.5 / 2021 ISSN 2232-0415

UTHM


Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

www.uthm.edu.my

Ogos 2021



Pandemik tidak halang UTHM sambut Hari Kemerdekaan ke-64



UTHM terima kemasukan 846 pelajar
baharu program diploma

ISSN 2232-0415



9 772232 041007



UTHM Johor



UTHM Produces
Professionals



PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Raja Zuraidah Raja Mohd Rasi

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad
Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my

KANDUNGAN



BERITA KAMPUS

01 Pandemik tidak halang UTHM sambut Hari Kemerdekaan ke-64



02 UTHM terima kemasukan 846 pelajar baharu program diploma

03 UTHM agih wang zakat kepada 1007 pelajar asnaf

04 UTHM perkenal program RE-SIP, 25 syarikat tempatan bakal jalin kerjasama strategik

06 Enam Staf FKAAB dapat pengiktirafan ASEAN Chartered Professional Engineer



Pandemik tidak halang UTHM sambut Hari Kemerdekaan ke-64



BATU PAHAT, 30 Ogos 2021 - Walaupun negara masih berperang dengan pandemik Covid-19 dan berada dalam Pelan Pemulihan Negara Fasa 1, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hari ini tetap menyambut Hari Kebangsaan dengan mengadakan Majlis Pelancaran Sambutan Kemerdekaan ke-64 peringkat universiti secara dalam talian.

Naib Canselor, Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid Razaly dalam ucapannya berkata untuk menjadi sebuah negara yang berjaya, Malaysia memerlukan masyarakat yang berilmu, berakhlak dan penuh dengan sifat keperimusiaan yang disulami dengan kasih sayang dan prihatin antara satu sama lain.

Beliau menyeru warga kampus untuk mengamalkan nilai-nilai murni dan berbudi pekerti bagi membantu negara menyatupadukan seluruh rakyat yang berbilang kaum sekali gus menjamin keamanan dan kedaulatan Malaysia.

"Saya berharap agar kita semua mengekalkan ciri-ciri warganegara yang baik, prihatin, berakhlak mulia, berdisiplin serta saling hormat menghormati antara satu sama lain," katanya.

Datuk Wahid juga menyeru warga UTHM untuk saling berganding bahu memastikan semangat patriotisme terus dipelihara agar negara kekal harmoni dan aman makmur.

"Melalui semangat patriotisme inilah membolehkan kerajaan merancang dan melaksanakan pembangunan dengan teratur di samping mengekang wabak pandemik Covid-19 daripada terus menular di dalam negara," katanya dalam majlis yang disertai warga universiti melalui platform YouTube UTHM TV.

Terdahulu, UTHM turut mengadakan upacara pemasangan bendera pada kenderaan yang melalui laluan masuk utama ke kampus induk pada 26 Ogos lalu. Upacara itu diketuai oleh Datuk Wahid, disertai Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pendaftar dan juga Pegawai-pegawai Kanan universiti.

Kini pemasangan bendera telah dan sedang giat dijalankan di pejabat dan premis yang ada di kampus induk dan kampus cawangan Pagoh.

Usaha ini diharap dapat menyemai sifat bangga warga kampus terhadap Jalur Gemilang di samping mendidik generasi muda masa kini untuk lebih patriotik dan bersemangat nasionalisme dengan menghormati dan mencintai bendera.



UTHM terima kemasukan 846 pelajar baharu program diploma



PAGOH, 3 Ogos - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hari ini mencatatkan rekod kemasukan 846 pelajar baharu program diploma bagi sesi pengajian 2021/2022.

Pendaftaran yang dibuat secara dalam talian melibatkan tujuh kursus yang ditawarkan oleh UTHM iaitu Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Kejuruteraan Elektrik, Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Teknologi Maklumat, Diploma Teknologi Kejuruteraan Kimia, Diploma Sains Gunaan dan Diploma Teknologi Animasi yang mula diperkenalkan pada sesi pengajian ini.

Kesemua pelajar baharu itu akan mengikuti sesi perkuliahan sesi 2021/2022 bermula 8 Ogos ini secara dalam talian bertempat di UTHM Kampus Cawangan Pagoh.

Terdahulu, mereka perlu mengikuti Minggu Transformasi Mahasiswa yang dijadual berlangsung selama lima hari bermula 1 hingga 5 Ogos ini.

Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly berkata program diploma UTHM

yang melibatkan tempoh masa pengajian selama dua tahun sembilan bulan ini mendapat pengiktirafan daripada Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) serta mempunyai kebolehpasaran graduan yang tinggi.

Tambah beliau, pelajar program diploma di UTHM mempunyai peluang yang tinggi untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah di universiti ini kerana CGPA yang diperlukan sekurang-kurangnya 2.5 sahaja dan tidak perlu bersaing dengan lepasan SPM, matrikulasi mahupun politeknik melalui permohonan Unit Pusat Universiti (UPU).

"Saya amat berharap anak-anak pelajar dapat menggunakan peluang menyambung pelajaran di UTHM ini dengan sebaik mungkin dan cepat membiasakan diri dengan pembelajaran norma baharu yang dijalankan akibat pandemik Covid-19," katanya.



UTHM agih wang zakat kepada 1007 pelajar asnaf



Pusat Islam dengan kerjasama Pejabat Benda-hari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mengagihkan bantuan zakat berjumlah RM398,100 kepada 1,007 pelajar asnaf fakir, miskin, fisabilillah dan gharim.

Manakala sebanyak RM39,000 lagi diperuntukkan untuk bantuan khas Aidilfitri kepada pelajar asnaf semester 2 sesi 2020/2021, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM437,100.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM136,200 diagihkan kepada 227 pelajar asnaf fakir, RM169,000 diagihkan kepada 338 pelajar asnaf miskin, RM85,900 diagihkan kepada asnaf fisabilillah, manakala RM7,000 diagihkan kepada asnaf gharim melalui potongan yuran pengajian pada semester 2 sesi 2020/2021.

Bantuan zakat ini adalah bagi membiayai kos pembelajaran sepanjang semester sekali gus membantu meringankan beban yang ditanggung keluarga.

Setiap penerima mendapat bantuan zakat berjumlah RM600 bagi asnaf fakir, RM500 bagi asnaf miskin. Manakala asnaf fisabilillah bergantung kepada jumlah tanggungan sesebuah keluarga dan mengikut kategori iaitu kategori satu sebanyak RM250, kategori dua sebanyak RM200 dan kategori tiga sebanyak RM150.

Manakala asnaf gharim pula dibahagikan kepada tiga kategori iaitu bantuan bagi program

pengajian diploma sebanyak RM300, program pengajian sarjana muda sebanyak RM700 dan program pengajian sarjana sebanyak RM500.

Selain itu, bantuan tambahan Aidilfitri bernilai RM100 turut diberikan kepada 390 pelajar asnaf fakir dan miskin bagi membantu pelajar membuat persiapan menyambut Aidilfitri pada tahun ini.

Pengarah Pusat Islam, Ustaz Mohd Lotfi Solihan berkata pada tahun ini, Pusat Islam mencatatkan jumlah penerima bantuan yang tinggi iaitu seramai 1,007 pelajar.

"Ini kerana ramai pelajar daripada keluarga B40 terkesan akibat penularan wabak pandemik Covid-19, contohnya pendapatan keluarga terjejas disebabkan ketua keluarga hilang punca pendapatan kerana diberhentikan oleh majikan," katanya.

Beliau turut menyeru kepada semua warga UTHM agar terus memberikan komitmen dalam melaksanakan kewajipan menunaikan zakat pendapatan bersama Zakat UTHM agar universiti ini dapat terus membantu serta menjamin ekonomi dan masa depan pelajar.

"Pusat Islam juga akan terus memberi sokongan serta bantuan kepada pihak universiti dalam menjalankan aktiviti kebajikan khususnya kepada warga UTHM," katanya.

UTHM perkenal program RE-SIP, 25 syarikat tempatan bakal jalin kerjasama strategik



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah memperkenalkan satu program inisiatif baharu iaitu Research Enhanced-Structured Internship Programme (RE-SIP) bagi mewujudkan hubungan kerjasama penyelidikan antara universiti dan industri melalui gabungan Latihan Industri (LI) dan Projek Sarjana Muda (PSM) pelajar.

Program di bawah Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni dengan kerjasama Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat serta fakulti ini menggunakan pendekatan berdasarkan latihan industri berstruktur yang disediakan oleh industri merangkumi aktiviti penyelidikan berupa permasalahan yang dihadapi industri untuk dibawa pulang oleh pelajar sebagai tajuk Projek Sarjana Muda (PSM).

Sepanjang program ini berlangsung, pelajar akan diselia oleh penyelia fakulti dan penyelia industri yang dilantik.

Inisiatif RE-SIP ini mampu mengukuhkan ekosistem pengajian tinggi melalui kerjasama penyelidikan antara universiti dan industri dalam

meningkatkan produktiviti dan pengetahuan teknologi industri, selain melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang dapat memenuhi pasaran kerja selari dengan hala tuju Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi tempoh lima tahun akan datang.

Selain itu, RE-SIP juga menepati matlamat Lonjakan pertama - Graduan Holistik, Bercirikan Keusahawanan dan Seimbang, Lonjakan kedua - Kecemerlangan Bakat, Lonjakan kelima - Kemampuan Kewangan dan Lonjakan ketujuh - Ekosistem Inovasi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) bagi mencakna bakal graduan agar sentiasa melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran baharu untuk terus kekal kompeten dan relevan dalam pasaran pekerjaan. Pada masa yang sama, kerja penyelidikan yang dijalankan perlu selari dengan keperluan pasaran.

Sebanyak 25 syarikat di Malaysia bersetuju untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan UTHM dalam RE-SIP. Melalui penglibatan dalam RE-SIP, dijangkakan syarikat dapat bergerak maju dan pembangunan syarikat dapat dipertingkatkan



pada kadar yang lebih tinggi dengan melaksanakan penyelidikan dan inovasi dalam syarikat.

Bagi merealisasikan inisiatif baharu tersebut, satu majlis pelancaran program telah diadakan secara maya pada 8 Ogos 2021 lalu dan disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Pembangunan), KPT, Profesor Ir. Dr. Robiah Yunus.

Turut hadir, Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pendaftar UTHM, Abdul Halim Abdul Rahman, Pegawai-pegawai Kanan universiti serta rakan industri.

Sementara itu, Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) RE-SIP antara

pihak UTHM dengan 25 rakan kerjasama strategik juga turut di adakan. UTHM diwakili oleh Naib Canselor manakala pihak industri diwakili oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah serta wakil dari syarikat yang terlibat.

MoA ini turut disaksikan oleh Pendaftar UTHM dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Madya Ts. Dr. Lokman Hakim Ismail.

Kerjasama strategik ini diharap dapat memberi manfaat besar kepada UTHM dan rakan-rakan kerjasama serta dapat membantu universiti dalam melonjakkan prestasi, kecemerlangan universiti dalam akademik, penyelidikan dan inovasi dan pembangunan mahasiswa.





Enam Staf FKAAB dapat pengiktirafan ASEAN Chartered Professional Engineer



BATU PAHAT, 6 Ogos 2021 – Enam staf Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa sebagai ASEAN Chartered Professional Engineer (ACPE) pada Jun 2021.

Staf tersebut ialah Profesor Ir. Ts. Dr. Mohd Irwan Juki, Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Shahiron Shahidan, Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Tan Lai Wai, Ir. Ts. Shamrul-mar Shamsuddin, Ir. Dr. Shahrul Niza Mokhtar dan Ir. Ts. Dr. Mohd Hanif Ismail, menjadikan jumlah keseluruhan berkelayakan ACPE seramai sembilan orang di FKAAB.

Terdahulu, Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Abdul Halim Abdul Ghani telah memperoleh ACPE pada tahun 2015, manakala Ir. Ts. Dr. Raha Abd Rahman dan Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Riduan Yunus pada tahun 2020.

Jurutera ACPE diiktiraf sebagai mempunyai kelayakan kompetensi teknikal dan profesional jurutera profesional yang setara oleh semua negara ASEAN.


Bagi mendapat pengiktirafan ACPE, pemohon perlu memenuhi kriteria seperti mempunyai kelayakan akademik kejuruteraan yang diiktiraf, berkelayakan jurutera profesional di bawah Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), mempunyai sekurang-kurangnya tujuh tahun pengalaman praktikal, mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman dalam penyeliaan kerja kejuruteraan dan memenuhi polisi Pembangunan Profesional Berterusan BEM.

Permohonan ACPE perlu diperakukan oleh BEM terlebih dahulu sebelum dinilai dan diluluskan oleh ASEAN Chartered Professional Engineer Coordinating Committee (ACPECC). Proses permohonan ini mengambil masa hampir satu tahun.

Semua ACPE adalah didaftarkan di bawah ASEAN Chartered Professional Engineer Register (ACPER) di <https://acpecc.net/v2>.



PSU anjur Kem Hussein Warriors, ingin lahirkan atlet berprestasi tinggi



BATU PAHAT – Bagi memastikan para atlet Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) membuat persediaan secukupnya menghadapi kejohanan yang bakal tiba, Pusat Sukan Universiti (PSU) telah menganjurkan Kem *Hussein Warriors* Siri 1, 2021 secara maya pada 4 hingga 7 Ogos lalu.

Penganjuran kem ini juga bertujuan memastikan kelancaran persediaan yang dibuat oleh para atlet sebagai persiapan menyertai kejohanan sukan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2021 dan 2022 sekali gus mencapai sasaran pingat emas.

Penganjurannya juga untuk memberi latihan yang mencukupi, konsisten, berintensiti tinggi dan berfokus bagi memastikan adanya peningkatan prestasi setiap atlet yang terpilih.

Bagi memastikan pencapaian sukan UTHM semakin meningkat seperti sasaran yang ditetapkan PSU, kem ini juga dijadikan platform untuk menggilap bakat para atlet berprestasi

tinggi agar kejayaan di arena sukan tempatan mahupun antarabangsa mudah dicapai.

Tambahan pula, tarikh penganjuran temasya sukan terbesar IPT telah dimaklumkan oleh KPT iaitu Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) pada 28 Februari hingga 8 Mac 2022 dan ASEAN University Games (AUG) Thailand pada 26 Julai hingga 6 Ogos 2022.

Walaupun terkesan dengan pandemik Covid-19, PSU tetap komited memberi galakan dan dorongan kepada atlet UTHM dengan menggunakan pendekatan baharu dalam memastikan pembangunan sukan UTHM terus berjalan seperti yang dirancang.

Melalui kem ini, PSU dapat memberi motivasi yang tinggi kepada atlet, pengurus dan jurulatih untuk mencapai sasaran kutipan pingat emas yang ditetapkan dalam program “Hussein Warriors” pada kejohanan yang bakal berlangsung.




Manakala sesi latihan bersama jurulatih pula dapat dimanfaatkan oleh para atlet yang terpilih dalam memperkemaskan lagi persiapan fizikal dan mental mereka.

Turut diadakan, sesi senamrobik yang bertujuan membantu para atlet kembali cergas dan menghilangkan sedikit tekanan selepas mengharungi peperiksaan akhir semester yang lalu.

Sementara itu, penerapan sains sukan turut diberikan kepada atlet menerusi penganjuran webinar 'Pemakanan Sukan' yang disampaikan oleh Dr. Adjah Naqiah Mazlan, manakala


webinar 'Kecederaan Sukan' pula disampaikan oleh Ts. Dr. Hadafi Fitri Mohd Katip, keduanya dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Penganjuran program seperti ini membuktikan PSU sentiasa komited dalam pembangunan sukan IPT seperti yang terkandung dalam Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (DPSIPT) untuk melahirkan "*The Thinking Athlete*" dengan mensasarkan 30 peratus atlet negara terdiri daripada atlet IPT.



Penerbitan Terkini

Anisotropic Learning Amidst the Pandemic



ISBN: 978-967-2817-15-4

PENULIS: CHEE-MING CHAN

PENERBIT: Penerbit UTHM

The COVID-19 pandemic has undoubtedly caused major disruption to the way our students learn at universities, especially in the early days when Movement Control 1.0 (MCO 1.0) was introduced in the country, resulting in classes being uprooted from on-campus physical face-to-face engagement to virtual interactions. Caught by surprise and amidst the chaos, the University's students of BNP20903 Soil Mechanics & Foundations (Faculty of Engineering Technology) have shown commendable courage and resilience to stand up against the odds, continued to thrive in their learning of the subject and finally triumphed with good grades for the course. This is THEIR stories, of tears and laughter, laments and mullings, self discoveries and many more. Ultimately, it is about their love for knowledge and the grit to fight on. Let them WOW you.

Urusan tempahan / pembelian:

Kedai Buku Penerbit UTHM

Tel : 07-453 8529